

# **PEGAWAI PERUBATAN**

## **TAWARAN D**

**Permohonan Mengikuti Program Kepakaran  
*Parallel Pathway* Dengan Tajaan Hadiah Latihan  
Persekutuan (Lantikan Tetap) / Biasiswa (Lantikan  
Kontrak) KKM Sesi 2025/2026**

## PEGAWAI PERUBATAN TETAP DAN KONTRAK

### IKLAN

#### Permohonan Mengikuti Program Kepakaran *Parallel Pathway* dengan Tajaan Hadiah Latihan Persekutuan/ Biasiswa KKM Sesi 2025 / 2026

Permohonan adalah dipelawa kepada **Pegawai Perubatan Tetap** dan **Pegawai Perubatan Kontrak** yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia dan berkelayakan bagi mengikuti Program Kepakaran *Parallel Pathway* Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)/ Biasiswa KKM di dalam dan luar negara (mengikut bidang). Semua pelatih perlu memohon melalui Tawaran D bagi sesi 2025/2026 dan tidak perlu lagi berdaftar melalui Bahagian Perkembangan Perubatan/ Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (surat Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), ruj. KKM600-25/8/3JLD10(74), bertarikh 27 Oktober 2022 adalah dirujuk). Bidang yang ditawarkan adalah seperti di bawah dan maklumat terperinci seperti di **Lampiran A**

BIL.	BIDANG
1	Anestesiologi dan Rawatan Kritikal/ <i>Anaesthesiology and Critical Care</i>
2	Pembedahan Kardiotorasik/ <i>Cardiothoracic Surgery</i>
3	Onkologi / <i>Oncology</i>
4	Radiologi Klinikal/ <i>Clinical Radiology</i>
5	Perubatan Kecemasan/ <i>Emergency Medicine</i>
6	Perubatan Keluarga/ <i>Family Medicine (FRACGP)</i>
7	Pediatrik Am/ <i>General Paediatrics</i>
8	Perubatan Dalaman/ <i>Internal Medicine</i>
9	Obstetrik dan Ginekologi/ <i>Obstetrics and Gynaecology</i>
10	Oftalmologi/ <i>Ophthalmology</i>
11	Pembedahan Plastik/ <i>Plastic Surgery</i>
12	Psikiatri/ <i>Psychiatry</i>
13	Urologi/ <i>Urology</i>
14	Perubatan Keluarga/ <i>Family Medicine (MICGP)</i>
15	Patologi Forensik / <i>Forensic Pathology</i>

## 1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

### 1.1 Syarat-syarat Umum

Pegawai perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti berikut:

- a) Berkhidmat secara Kontrak atau Tetap;
- b) Bagi pegawai lantikan Kontrak:
  - Pegawai Perubatan KKM Lantikan Kontrak di bawah Surat Pekeliling Ketua Setiausaha (SPKSU) Bil 4/2016 dan masih dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan; atau
  - Pegawai Perubatan KKM Lantikan Kontrak yang mendapat tawaran kesinambungan perkhidmatan bagi persediaan pengajian kepakaran seperti yang diperuntukkan dalam surat edaran Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) rujukan KKM-500-8/1/20 Jld. 8 (11) bertarikh 5 Januari 2022; atau
  - Pegawai Perubatan KKM Lantikan Kontrak sehingga 31 Disember 2021 yang menjalani Latihan Siswazah atau Housemanship di luar negara;
  - Pegawai Perubatan Lantikan Kontrak sebelum **1 Januari 2021 yang dilantik tetap sehingga 31 Disember 2024** tetapi belum disahkan dalam perkhidmatan; dan
  - Pegawai tidak pernah meletak jawatan atau ditamatkan perkhidmatan kontrak (Pegawai Perubatan Kontrak).
- c) Telah berkhidmat dengan KKM sekurang-kurangnya tiga (3) tahun (termasuk latihan siswazah) dan dilantik pada/sebelum **1 Januari 2021**;
- d) Telah disahkan dalam skim perkhidmatan semasa (bagi Pegawai Lantikan Tetap);
- e) Mempunyai prestasi cemerlang dengan markah purata Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) tidak kurang daripada 85% bagi mana-mana tiga (3) tahun yang tertinggi daripada lima (5) tahun terakhir perkhidmatan pegawai (penilaian genap 12 bulan bagi setiap tahun).

- Pengecualian penilaian genap 12 bulan bagi tahun penilaian **hanya diberikan** kepada pegawai wanita yang pernah mengambil Cuti Tanpa Gaji (CTG) atau Cuti Separuh Gaji (CSG) untuk menjaga anak tidak melebihi 90 hari dalam tahun penilaian sebagaimana ketetapan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2014;
- f) Pengecualian penilaian genap 12 bulan untuk pengiraan purata LNPT diberikan kepada Pegawai Lantikan Kontrak yang menjalani Latihan Siswazah atau *Housemanship* di luar negara (Lantikan sehingga 31 Disember 2021);
- g) Diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan (Panel Pembangunan Sumber Manusia), mengikut yang mana berkenaan;
- h) Pegawai bersih / bebas daripada sebarang pertuduhan / prosiding dan tindakan tatatertib, siasatan dan / atau dalam proses dakwaan mahkamah;
- i) Telah mengisyiharkan harta;
- j) Pegawai bukan merupakan Peminjam Tegar Pinjaman/ peminjam yang disenaraihitamkan oleh JPA atau badan-badan pinjaman Kerajaan yang lain.
- k) Tidak pernah menerima sebarang tajaan Kerajaan Malaysia bagi peringkat kursus yang sama;
- l) Tidak pernah gagal atau menarik diri daripada sebarang kursus tajaan Kerajaan Malaysia;
- m) Tidak pernah menolak tawaran yang ditawarkan oleh Bahagian Pengurusan Latihan, KKM dalam tempoh dua (2) tahun yang lepas;
- n) Setiap pegawai dikehendaki membuat perakuan mengenai status kesihatan masing-masing. Masalah kesihatan tertentu mungkin boleh menyebabkan pegawai tidak dapat memenuhi tanggungjawab profesional dan peribadinya, dan seterusnya mungkin menyebabkan pegawai tidak dapat mengamal dengan selamat disebabkan oleh penyakit fizikal atau mental.
- o) Bagi pegawai yang mempunyai masalah kesihatan seperti di **Lampiran B**, kesesuaian untuk diterima menjalani latihan kepakaran akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal bagi bidang kepakaran masing-masing. Pegawai perlu mengemukakan laporan perubatan dari pakar perubatan Kerajaan untuk mengesahkan status kesihatan dan rawatan terkini.
- p) Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah mematuhi prinsip-prinsip asas yang dinyatakan dalam Garis Panduan kemudahan cuti belajar kepada

pegawai awam yang mengikuti kursus jangka sederhana dan kursus jangka panjang secara sepenuh masa; dan

- q) Pegawai hendaklah mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka pendek / panjang yang terdahulu dengan jayanya seperti berikut;

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

## **2.0 SYARAT-SYARAT KHUSUS DAN KAEDAH LATIHAN BAGI SETIAP BIDANG ADALAH SEPERTI DI LAMPIRAN A**

### **3.0 TATACARA PERMOHONAN**

- 3.1 Permohonan hendaklah dibuat kepada BPL secara dalam talian (*online*) menerusi Sistem Permohonan eHLP KKM <http://ehlp.moh.gov.my>. **Permohonan di luar iklan adalah TIDAK DIBENARKAN.**
- 3.2 Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan atau permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- 3.3 Hanya Pegawai yang layak tapisan KKM akan dipertimbangkan untuk ditawarkan mengikuti Latihan Kepakaran ini. Pegawai yang tidak memohon atau tidak melepas tapisan KKM walaupun telah ditawarkan tempat latihan di institusi (Luar Negara) tidak akan dipertimbangkan sebarang Cuti Belajar bagi mengikuti latihan kepakaran.
- 3.4 Surat tawaran dan dokumen perjanjian akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya oleh BPL melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- 3.5 Tawaran yang dikeluarkan oleh BPL sahaja dianggap sah untuk mengikuti latihan ini.
- 3.6 Pegawai yang menolak tawaran ini akan **dikenakan penalti 2 tahun** iaitu tidak boleh memohon kemasukan bagi Program Kepakaran Parallel Pathway dengan tajaan HLP/ Biasiswa KKM dalam tempoh berkenaan;

**3.7** Jadual ikatan perjanjian bagi Pelatih adalah seperti berikut:

Kaedah Pengajian	Ikatan/Gantirugi
Kombinasi (Latihan Luar Negara)	7 tahun berkhidmat dan/atau RM700,000
Sepenuhnya Dalam Negara	5 tahun berkhidmat dan/atau RM350,000
Sepenuhnya Dalam Negara (Peperiksaan Luar Negara)	6 tahun berkhidmat dan/atau RM500,000.

**3.8** Ketua Jabatan adalah merujuk kepada **Pengarah Bahagian KKM / JKN / Institusi / Hospital / Ketua PTJ.**

**3.9 DOKUMEN SEMASA SESI TEMUDUGA**

3.9.1 Dokumen-dokumen berikut hendaklah dibawa bersama **semasa sesi temuduga** yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal (**bagi pegawai yang telah berjaya melepassi tapisan pertama**):

- i. **Dua (2) salinan** Borang Permohonan *Online*;
- ii. **Dua (2) salinan** Borang Maklumat Pekhidmatan (Lampiran 1)
- iii. **Dua (2) salinan** Laporan Referee (2 orang);
- iv. **Dua Salinan** *Medical Report* (Laporan Perubatan) (jika berkaitan);
- v. **Dua (2) salinan** Surat (*Covering letter*) daripada Jabatan/tempat bertugas dengan sokongan/ulasan bagi tujuan kebenaran mengikuti latihan/kesesuaian bidang;
- vi. **Dua (2) salinan** Keputusan Peperiksaan seperti dalam Syarat-syarat khusus (jika berkaitan) dan disahkan;
- vii. **Dua (2) salinan** **Kenyataan Perkhidmatan** yang telah dikemaskini dan disahkan;
- viii. **Dua (2) salinan** **Surat Pengesahan Jawatan** daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan disahkan;

- ix. **Dua (2) salinan Sijil Pendaftaran Penuh** dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dan disahkan; dan
- x. **Dua (2) salinan** Dokumen sokongan yang lain (Salinan Kad Pengenalan, sijil SPM, transkrip peperiksaan dan lain-lain) dan disahkan.
- xi. Lain-lain dokumen tertakluk kepada keperluan bidang masing-masing dan akan dimaklumkan secara berasingan.

## **PERINGATAN PENTING KEPADA SEMUA PEGAWAI**

1. Tarikh tutup permohonan adalah pada **20 Oktober 2024** Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut **tidak akan dipertimbangkan**.
2. Pegawai hendaklah memohon secara dalam talian (*online*) melalui Sistem Permohonan eHLP KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>).
3. Semakan **keputusan penawaran** Hadiah Latihan Persekutuan (**HLP**) boleh diketahui pada **Mei 2025 (tertakluk kepada perubahan)** melalui Sistem Permohonan Hadiah Latihan Persekutuan KKM (<http://ehlp.moh.gov.my>). Pemakluman keputusan akan diwar-warkan di laman web Kementerian Kesihatan Malaysia (<http://www.moh.gov.my>) dan Bahagian Pengurusan Latihan KKM (<http://latihan.moh.gov.my>)
4. Sila ambil maklum bahawa penerima biasiswa mulai sesi latihan 2025/2026 adalah tertakluk kepada **Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Biasiswa Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya** seperti yang disertakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

### **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

1. Ketua Jabatan adalah dinasihatkan supaya membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Ketua Jabatan diminta untuk membuat semakan perancangan yang teliti dan hanya memperakukan pegawai yang boleh dilepaskan pada tahun 2025/2026 kelak.
3. Bahagian Pengurusan Latihan berhak menolak permohonan yang didapati tidak menepati syarat yang dinyatakan di atas.
4. Ketua Jabatan adalah merujuk kepada **Pengarah Bahagian KKM / JKN / Institusi / Hospital / Ketua PTJ**.

## **PERINGATAN PENTING KEPADA PEGAWAI**

1. Sila ambil maklum bahawa penerima adalah tertakluk kepada Dasar Pelaksanaan Tindakan Penalti Kepada Pemegang Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Dalam Perkhidmatan Yang Gagal Menamatkan Pengajian Dengan Jaya seperti yang disertakan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).
2. Sila ambil maklum akan tarikh-tarikh penting bagi pelawaan ini seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>Keterangan</b>
<b>23 September 2024</b>	<b>Permohonan dibuka</b>
<b>20 Oktober 2024</b>	<b>Tarikh tutup permohonan</b>
<b>Mei 2025</b>	<b>Keputusan (tertakluk kepada perubahan)</b>

## LAMPIRAN A

<b>Bil.</b>	<b>Bidang</b>	<b>Syarat Khusus</b>	<b>Kaedah &amp; Tahun Latihan</b>
1	Urologi	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal College of Surgeons of Glasgow in Urology, FRCS (Urol)(Glasg)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) dalam bidang Pembedahan termasuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang Urologi;</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan “Membership of the Royal College of Surgeon (MRCS (Ireland) atau MRCS (Edinburgh) atau MRCS (Glasgow) atau MRCS (England)” Part A dan Part B.;</li> <li>3. Berumur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Dalam Negara</p>
2	Pembedahan Kardiotorasik	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal College of Surgeons of Edinburgh in Cardiothoracic Surgery, FRCS (Cardiothoracic)(Edinburgh)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan dalam bidang Pembedahan termasuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang Kardiotorasik;</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membership of the Royal College of Surgeon, MRCS (Ireland) Part A dan Part B atau,</li> <li>ii. Membership of the Royal College of Surgeon, MRCS (England) Part A dan Part B, atau,</li> <li>iii. Membership of the Royal College of Surgeon, MRCS (Edinburgh) Part A dan Part B, atau MRCS (Glasgow) Part A</li> </ul> </li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 6 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Kombinasi (Latihan Luar Negara) <ul style="list-style-type: none"> <li>- 5 Tahun di dalam negara</li> <li>- 1 Tahun di luar negara</li> </ul> </p>

		<p>dan Part B;Part A dan Part B bagi permohonan bidang Surgeri Kardiotorasik;</p> <p>3. Berumur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan.</p>	
3	Onkologi Klinikal	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal College of Radiologists United Kingdom, FRCR Clinical Oncology (UK)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan;</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Medical Specialist Pre-entrance Examination (MEDEX-Clinical Oncology), atau</li> <li>ii. Membership of Royal College of Physicians, MRCP (UK) atau MRCP (Ireland), dan</li> <li>iii. Sekurang-kurangnya 2 modul dalam kertas peperiksaan Fellowship of the Royal College of Radiologists Clinical Oncology (UK) Part 1</li> </ul> </li> <li>3. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Kombinasi (Latihan Luar Negara) <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2 Tahun di dalam negara</li> <li>- 2 Tahun di luar negara</li> </ul> </p>
4	Perubatan Keluarga (MICGP)	<p>Kelulusan: Membership of the Irish College of General Practitioners (MICGP (Ireland))</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO)</li> <li>2. Calon juga dikehendaki mengisi permohonan di laman sesawang MINTFM (<a href="https://www.rumc.edu.my/mintfm">https://www.rumc.edu.my/mintfm</a>)</li> <li>3. berumur tidak melebihi 43 tahun dari tarikh tutup iklan</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Dalam Negara</p>
5	Perubatan Keluarga GCFM-ATFM / FRACGP	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal Australian College of General Practitioners (FRACGP (Australia))</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO)</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Dalam Negara</p>

		<ol style="list-style-type: none"> <li>2. Memenuhi kesemua syarat kemasukan program GCFM dan ATFM seperti yang ditetapkan oleh Akademi Kedoktoran Keluarga Malaysia (AFPM – Academy of Family Physicians of Malaysia);</li> <li>3. Calon juga dikehendaki mengisi permohonan di laman sesawang AFPM (<a href="https://www.afpm.org.my">https://www.afpm.org.my</a>);</li> <li>4. Berumur tidak melebihi 43 tahun dari tarikh tutup iklan</li> </ol>	
6	Perubatan Dalaman	<p>Kelulusan: Membership of the Royal College of Physicians of United Kingdom, (MRCP (UK) atau Membership of the Royal College of Physicians of Ireland, MRCP (Ireland)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membership of Royal College of Physicians, MRCP (UK) Part 1 atau;</li> <li>ii. Membership of Royal College of Physicians MRCP (I) General Medicine Part 1”</li> </ul> </li> <li>3. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	Tempoh Latihan: 4 tahun Kaedah Latihan: Dalam Negara
7	Pediatrik Am	<p>Kelulusan: Membership of the Royal College of Paediatrics and Child Health United Kingdom, MRCGP (UK)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan; <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membership of Royal Colleges of Paediatrics and Child Health (MRCGP (UK)) (Foundation of Practice (FOP) atau</li> <li>ii. Membership of Royal Colleges of Paediatrics and Child Health (MRCGP (UK) Theory and Science (TAS), atau</li> <li>iii. Membership of Royal Colleges of Paediatrics and Child Health (MRCGP (UK) Applied Knowledge in Paediatrics (AKP)</li> </ul> </li> <li>3. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	Tempoh Latihan: 4 tahun Kaedah Latihan: Dalam Negara

8	Psikiatri	<p>Kelayakan: Membership of the Royal College of Psychiatrists, United Kingdom (MRCPsych UK)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan;             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Membership of Royal Colleges of Psychiatrists (MRCPsych (UK)) Part A atau,</li> <li>ii. Membership of Royal Colleges of Psychiatrists, MRCPsych (UK) Part B dengan syarat satu (1) tahun pengalaman di Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental</li> </ol> </li> <li>3. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara (Peperiksaan di Luar Negara)</p>
9	Perubatan Kecemasan	<p>Kelulusan: Fellow of the Royal College of Emergency Medicine United Kingdom, FRCEM (UK)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan pengalaman dalam bidang Perubatan Kecemasan sebagai pegawai perubatan (MO)</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan;             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. "Membership of Royal College of Emergency Medicine (MRCEM (UK)) Primary Examination"</li> </ol> </li> <li>3. Berjaya melengkapkan Advanced Cardiac Life Support (eg, ACLS, ALS) dan Trauma Life Support Course (eg ATLS, TLSM)</li> <li>4. Berjaya melengkapkan semua Entry Essential Learning Activities (Entry ELAs)</li> <li>5. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 5 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Kombinasi (Latihan Luar Negara)             <ul style="list-style-type: none"> <li>- 4 Tahun di dalam negara</li> <li>- 1 Tahun di luar negara</li> </ul> </p>
10	Radiologi Klinikal	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal College of Radiologists United Kingdom, FRCR, Clinical Oncology (UK)</p>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara</p>

		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan;             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Medical Specialist Pre-entrance Examination (MEDEX-Radiology) dengan keputusan masih sah iaitu dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum tahun tawaran kemasukan, dan</li> <li>ii. Fellowship Royal College of Radiology, FRCR (UK) samada Modul Physics atau Anatomy</li> </ol> </li> <li>3. Pengetahuan klinikal dan Kemahiran Profesional: Boleh melaksanakan tugas seperti yang termaktub dalam penilaian Examination Learning Activities (ELA)</li> <li>4. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan. .</li> </ol>	(Peperiksaan di Luar Negara)
11	Anestesiologi dan Rawatan Kritikal	<p>Kelayakan: Fellowship of College of Anaesthetists of Ireland (FCAI (Ireland))</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan termasuk enam (6) bulan dalam bidang Anestesiologi dan Rawatan Kritikal;</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Membership of The College of Anaesthetists of Ireland" (MCAI – MCQ (Ireland) Examination;</li> </ol> </li> <li>3. Pemohon mesti menyediakan bukti "Essential Learning Activities" (ELA) dalam bentuk buku log.</li> <li>4. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan.</li> </ol>	Tempoh Latihan: 6 tahun Kaerah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara (Peperiksaan di Luar Negara)
12	Obstetrik & Ginekologi	<p>Kelulusan: Membership of the Royal College of Obstetricians and Gynaecologists United Kingdom, MRCOG (UK)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO)</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan berikut:             <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Membership of the Royal College of Obstetricians and Gynaecologists (MRCOG (UK)) Part 1</li> </ol> </li> </ol>	Tempoh Latihan: 4 tahun Kaerah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara (Peperiksaan di Luar Negara)

		3. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan	
13	Pembedahan Plastik	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal Colleges of Surgeons of Glasgow in Plastic Surgery, FRCS (Plast)(Glasg)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya dua (2) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) dalam bidang Pembedahan termasuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan dalam bidang Surgeri Plastik.</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan berikut: “Membership of the Royal College of Surgeons (MRCS) Part A dan Part B</li> <li>3. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan;</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Kombinasi (Latihan Luar Negara) <ul style="list-style-type: none"> <li>- 3 Tahun di dalam negara</li> <li>- 1 Tahun di luar negara</li> </ul> </p>
14	Oftalmologi	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal College of Ophthalmologists United Kingdom, FRCOphthal (UK)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun sebagai Pegawai Perubatan (MO) dalam bidang Oftalmologi.</li> <li>2. Telah lulus kertas peperiksaan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sijil Peperiksaan MedEx (Oftalmologi) dengan Keputusan minima Band 4 dan masih sah pada tarikh tutup iklan; atau</li> <li>ii. Lulus Basic Science Examination (Oftalmologi) dalam tempoh 5 tahun dan sijil masih sah pada tahun 2024.</li> </ul> </li> <li>3. Telah lulus kertas peperiksaan berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Fellowship of the Royal College of Ophthalmologists (FRCOphthal) Part 1 dan Refraction Certificate (UK).</li> </ul> </li> <li>4. Berumur tidak melebihi 40 tahun pada tarikh tutup iklan;</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 4 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Sepenuhnya Dalam Negara (Peperiksaan di Luar Negara)</p>
15.	Forensik Patologi	<p>Kelulusan: Fellowship of the Royal College of Pathologists of Australasia in Forensic Medicine, FRCPA</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya enam (6) bulan sebagai Pegawai Perubatan (MO) di Jabatan Perubatan Forensik.</li> </ol>	<p>Tempoh Latihan: 5 tahun</p> <p>Kaedah Latihan: Kombinasi <ul style="list-style-type: none"> <li>- 2.5 Tahun dalam negara</li> <li>- 2.5 Tahun luar negara</li> </ul> </p>

	<ol style="list-style-type: none"><li>2. Perlu melengkapkan Latihan sangkutan di Unit Patologi Anatomik, Jabatan Patologi sekurang-kurangnya 3 bulan.</li><li>3. Telah lulus kertas peperiksaan berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>i. Basic Pathological Sciences (BPS), FRCPA</li></ol></li><li>4. Berumur tidak melebihi 43 tahun pada tarikh tutup iklan.</li></ol>	
--	---	--

## **LAMPIRAN B**

### **JENIS-JENIS PENYAKIT**

- a) Penyakit Mental (*Mental illness*);
- b) Penyakit Sistem Saraf [(Strok, dementia) (*Neurological illness (Cerebrovascular accident, dementia)*)];
- c) Penyalahgunaan dan ketagihan dadah (*Substance abuse and dependence*);
- d) Ketidakupayaan fizikal atau kurang upaya (*Physical disabilities (or handicap)*);
- e) Masalah perubatan, termasuk yang berkaitan penuaan dan jangkitan yang kronik (*Medical conditions, including those related to ageing and chronic infections*);
- f) Lain-lain masalah perubatan yang boleh menjelaskan keupayaan untuk mengamal (*Any other conditions which may give rise to impairment to practitioners*)

\*Sumber rujukan: **Managing Impaired Registered Medical Practitioners, Guideline of the Malaysian Medical Council, MMC Guideline 001/2010**

# PEGAWAI PERUBATAN TETAP/ KONTRAK

## SENARAI SEMAK DOKUMEN SEMASA SESI TEMUDUGA

*Penting: Setiap dokumen hendaklah dikemukakan dalam dua ( 2 ) salinan yang lengkap dan disahkan*

	Diisi oleh:	
	Calon	Jawatankuasa Teknikal
1. Borang Permohonan Online;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. Lampiran 1 (Borang Maklumat Perkhidmatan);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. Borang Referee (Borang R);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4. Salinan <i>Medical Report</i> (Laporan Perubatan) (jika berkaitan);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5. Surat ( <i>Covering letter</i> ) daripada Jabatan/Tempat Bertugas dengan sokongan/ulasan dari segi kebenaran mengikuti Latihan/kesesuaian bidang;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6. Salinan Keputusan Peperiksaan seperti dalam Syarat-syarat khusus (jika berkaitan);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7. Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan disahkan;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8. Salinan Surat Pengesahan Jawatan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA);	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9. Salinan Sijil Pendaftaran Penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) ;	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10. <b>Salinan</b> Dokumen sokongan yang lain (contoh : Salinan Kad Pengenalan, sijil SPM, sijil-sijil dan transkrip).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

PERAKUAN PEMOHON	
Nama:	
Jawatan:	
Jabatan:	

<b>UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA TEKNIKAL</b>	
Nama:	
Cop Jabatan:	
Tarikh:	
<b>UNTUK KEGUNAAN BPL</b>	
Nama:	
Cop Jabatan:	
Tarikh:	

**LAMPIRAN 1****BORANG MAKLUMAT PERKHIDMATAN**

<b>A</b>	<b>LATIHAN SEMASA HOUSEMAN</b>		
	<b>Disiplin (sila nyatakan)</b>	<b>Tempat Latihan</b>	<b>Ketua/Pakar</b>
1.			
2.			
<b>B</b>	<b>SEJARAH PERKHIDMATAN</b>		
Tarikh dan tempoh masa penempatan	Hospital/Jabatan/Unit	Pakar Perunding	
<b>C</b>	<b>REFEREE</b>		
<i>(Sila namakan referee yang berpengetahuan mengenai kemahiran klinikal anda dan juga merupakan immediate supervisor. Referee tersebut hendaklah mengisikan Borang R dengan lengkap seterusnya mengemukakan bersama dengan borang permohonan ke Bahagian Pengurusan Latihan, KKM)</i>			
<b>Referee 1</b> Nama: Jawatan: Tempat Bertugas:			

**Referee 2**

Nama:

Jawatan:

Tempat Bertugas:

**D PENERBITAN / PENYELIDIKAN / PENYAMPAIAN KERTAS KERJA**

(Sila senarai mengikut tahun)

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_

**E PENGLIBATAN DALAM ORGANISASI PROFESIONAL**

(Sila senarai mengikut tahun)

1. \_\_\_\_\_
2. \_\_\_\_\_
3. \_\_\_\_\_



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN

**BORANG REFEREE**  
**LATIHAN PARALLEL PATHWAY DENGAN TAJAAN HLP/ BIASISWA, KKM**

**NOTA:**

Referee mestilah terdiri daripada pakar klinikal yang mempunyai pengetahuan mengenai kemahiran klinikal calon atau merupakan *immediate supervisor* seperti Ketua Jabatan calon.

**LAPORAN REFEREE**

NAMA CALON : \_\_\_\_\_

NAMA REFEREE : \_\_\_\_\_

BIDANG YANG DIPOHON : \_\_\_\_\_

Beri komen/ulasan anda mengenai calon tersebut dalam perkara –perkara berikut:

**1. HUBUNGAN DENGAN STAF, PESAKIT DAN KELUARGA PESAKIT:**

---

---

---

---

**2. KOMITMEN TERHADAP KERJA, KERJA BERPASUKAN DAN MEMPUNYAI KUALITI-KUALITI PEMIMPIN :**

---

---

---

**3. PENGETAHUAN DAN “PROFESSIONAL SKILLS” :**

---

---

---

---

---

---

**4. PENGLIBATAN DALAM PENYELIDIKAN DAN LATIHAN :**

---

---

---

---

---

---

**5. KESESUAIAN UNTUK MENJALANI LATIHAN *PARALLEL PATHWAY* DENGAN HLP KKM :**

---

---

---

---

---

---

Tandatangan *Referee* : \_\_\_\_\_

Cop Rasmi *Referee* : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Borang ini hendaklah diisikan dengan lengkap oleh *Referee* dan dikemukakan bersama-sama dengan dokumen lain semasa temuduga kepada pihak Urus Setia Temuduga (Jawatankuasa Teknikal)